keperluan di bawah mana-mana undang-undang atau peraturan. Persetujuan anda tetap akan berkuatkuasa walaupun terdapat perubahan dalam hubungan kami dengan anda, contohnya jika anda bukan lagi pelanggan, rakan perniagaan dan/atau pembekal kami.

Expressed Form of Consent

I/ We have fully read and understood this Notice and consent to the use of Personal Data in the way specified by this Notice.

Name (as per IC / passport)	
NRIC No. / Passport No.	
Signature	
Date	

Borang Persetujuan

Saya/Kami telah pun membaca dan memahami Notis ini dan dengan ini memberikan persetujuan saya/kami kepada penggunaan Data Peribadi saya/kami dalam cara yang telah dinyatakan di dalam Notis ini.

Nama (seperti KP / Paspot)	
No. KP / No. Paspot	
Tandatangan	
Tarikh	

B. SUPERMARKET DIVISION

B. BAHAGIAN PASARAYA

Introduction

We are a company incorporated under Companies Act 1965 in Malaysia with a retail business known as Pasaraya Jaya Gading. We are a subsidiary of CAB Cakaran Corporation Berhad, a public listed company on the Main Market of Bursa Malaysia Securities Berhad.

This Notice is given to you under Section 7 of PDPA as:

- you are Our Member;
- you are Our Business Associate;
- you are Our Customer

It is given to you by us in relation to Personal Data collected, held or processed by us.



We will or may (or have done so), in that connection, collect and maintain certain information about yourself. Information, which is Personal Data, is regulated by PDPA.

This Notice (which is given to you in both English and Bahasa Malaysia) is to help you understand where and why we collect information about you, the type of information we collect, the third parties to whom we may disclose such information and some of your rights and choices and related things. In the event of any inconsistency between the English version and the Bahasa Malaysia version, the English version shall prevail over the Bahasa Malaysia version. We may ask for your consent to some of the matters in this Notice. This Notice explains how you may consent to them.

Pendahuluan

Kami merupakan sebuah syarikat yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 di Malaysia yang menjalankan perniagaan runcit yang dikenali sebagai Pasaraya Jaya Gading. Kami adalah anak syarikat CAB Cakaran Corporation Berhad, sebuah syarikat awam yang disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad.

Notis ini disampaikan di bawah Seksyen 7 APDP kerana:

- *anda adalah Ahli Kami;*
- *anda adalah Rakan Perniagaan Kami;*
- *anda adalah Pelanggan kami*

Notis ini adalah bertujuan untuk menerangkan Data Peribadi anda, dikumpul, disimpan dan di proses oleh kami.

Kami akan atau mungkin (ataupun telah membuat demikian) seperti yang berkaitan, mengumpul dan mengekalkan maklumat tertentu mengenai anda. Maklumat yang dinyatakan, dikenali sebagai Data Peribadi, sepertimana yang dikawal oleh APDP.

Notis ini (yang disampaikan dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris) adalah membantu anda memahami mana dan sebab-sebab kami mengumpul maklumat tentang anda, jenis-jenis dan pihak-pihak ketiga yang mana kami mungkin akan dedahkan maklumat tersebut dan beberapa hak anda serta pilihan-pilihan yang terbuka kepada anda beserta perkara yang berkaitan. Sekiranya terdapat sebarang ketidakselarasan antara versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai dan bukan versi Bahasa Malaysia.

Persetujuan anda mungkin diperlukan bagi beberapa perkara di dalam Notis ini. Penjelasan tentang bagaimana anda boleh memberikan persetujuan juga disertakan sekali.

Definitions

When we use the terms below, we mean them to have the following meanings:

CCTV	Closed circuit television.
Group	CAB Cakaran Corporation Berhad, its subsidiaries, associated company and related corporations.
Malaysia	Federation of Malaysia.
Our Business Associates	Our business associates who rent kiosk, stall or space from us to carry out his/her business activity around the compound of our business premises or who have any other types of business



	dealing with us or our suppliers, whether past, current or intended.
Our Customer	Our customer, whether past, current or intended.
Our Member	Our member under any of our membership programmes, whether past, current or intended.
PDPA	Personal Data Protection Act 2010 of Malaysia.
Personal Data	Information about yourself (where applicable, this includes, information which relates to other persons who may be identified from information about yourself) which is "personal data" as defined by Section 4 of PDPA.
you/ your/ yourself	The addressee of this Notice.
we/ our/ us/ ourselves	Pasaraya Jaya Gading Sdn Bhd

When we refer to a written law in this Notice, we mean to include, any amendments, modifications or substitution to it and any subsidiary legislation, guidelines, regulations and similar things made under or in relation to such written law.

Definisi

Penggunaan terma-terma berikut akan membawa makna seperti yang disenaraikan di bawah:

<i>CCTV</i>	<i>Televisyen litar tertutup.</i>
<i>Kumpulan</i>	<i>CAB Cakaran Corporation Berhad, termasuk anak syarikat, syarikat bersekutu dan syarikat-syarikat yang berkaitan.</i>
<i>Malaysia</i>	<i>Persekutuan Malaysia.</i>
<i>Rakan Perniagaan Kami</i>	<i>Rakan Perniagaan kami yang menyewa kiosk, gerai atau ruang jualan dari kami untuk menjalankan aktiviti perniagaan / sekitar perkarangan premis perniagaan kami atau yang mempunyai mana-mana jenis perniagaan berurusan dengan kami atau pembekal kami, sama ada yang lepas, semasa atau dimaksudkan.</i>
<i>Pelanggan kami</i>	<i>Pelanggan kami, sama ada yang lama, baru atau yang dimaksudkan.</i>
<i>APDP</i>	<i>Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.</i>
<i>Data Perbadi</i>	<i>Maklumat tentang anda (jika relevan, ini termasuklah maklumat berkaitan dengan pihak lain yang boleh dikenalpasti berdasarkan maklumat tentang anda) yang diambil kira sebagai "data peribadi" seperti definisi di bawah Seksyen 4 APDP.</i>
<i>Anda</i>	<i>Penerima notis ini.</i>
<i>Kami</i>	<i>Pasaraya Jaya Gading Sdn Bhd.</i>

Rujukan yang dibuat terhadap mana-mana undang-undang bertulis di dalam Notis ini juga merangkumi pindaan-pindaan yang berkaitan dan perundangan subsidiari, garis panduan, peraturan dan sebagainya yang dibuat di bawah atau berhubung dengan undang-undang bertulis itu.

Where we collect Personal Data

Where you are Our Member, Our Business Associate or Our Customer, we may collect Personal Data when you become our member, customer or business associate. We may collect more Personal Data in the course of our business relationship with you.



We may maintain various surveillance systems to monitor and/or record electronic and other communications which involve us. We do this to protect the security and integrity of our operations and for crime prevention. Personal Data may be collected by such surveillance systems. We maintain too, in our offices, CCTV and other security surveillance systems. If you choose to visit any of our offices, our security surveillance systems may collect Personal Data. Your images and actions, may, for example, be recorded by our CCTV surveillance systems.

We maintain a website or websites which give information about ourselves. You may also, as our member, business associates or customer, be given access to certain parts of our website or websites, not normally accessible by members of the public. You may, anyhow, visit our website or websites as a member of the public. We may collect Personal Data when you visit our website (whether this is the part normally accessible by members of the public or not). Our website sets out our policies from time to time on Personal Data collected from or through the website, (for information on our policies, see, the links at the foot of our Homepage at <http://www.cab.com.my>).

Dari Mana Pengumpulan Data Peribadi

Jika anda adalah ahli kami, rakan perniagaan kami atau pelanggan kami, pengumpulan Data Peribadi mungkin akan dibuat apabila anda menjadi ahli, rakan perniagaan atau pelanggan kami. Kami juga mungkin akan mengumpul beberapa Data Peribadi yang lain sepanjang hubungan perniagaan kami dengan anda.

Kami mungkin akan mengguna pakai system pengawasan bagi memantau dan / atau merekod komunikasi elektronik dan sebagainya yang melibatkan kami. Tujuannya adalah untuk memastikan keselamatan kami dan mengekalkan integriti operasi kami. Data Peribadi anda mungkin akan dikumpul oleh sistem pengawasan tersebut. Untuk pengetahuan anda, kami juga mengguna pakai kamera litar tertutup di dalam pejabat kami dan sistem pengawasan keselamatan yang lain. Jika anda memilih untuk melawat mana-mana pejabat kami, sistem pengawasan keselamatan kami mungkin akan mengumpul Data Peribadi anda. Sebagai contoh imej dan tindakan anda mungkin akan direkodkan oleh sistem pengawasan kamera litar tertutup kami.

Kami juga mempunyai laman sesawang yang memaparkan maklumat tentang kami. Anda mungkin diberikan akses untuk melayari beberapa bahagian laman sesawang kami, yang mana tidak diakses oleh orang awam. Walaupun demikian, anda tetap boleh mengakses laman sesawang kami sebagai orang awam. Kami mungkin akan mengumpul Data Peribadi apabila anda melawat laman sesawang kami (sama ada bahagian yang diakses anda juga terbuka kepada orang awam atau pun tidak). Polisi kami berkenaan Data Peribadi yang dikumpul dari atau melalui laman sesawang kami akan dipaparkan dalam laman sesawang kami (untuk maklumat selanjutnya berkaitan polisi kami, sila rujuk kepada pautan yang tertera di bahagian bawah Laman Utama kami yang berikut <http://www.cab.com.my>).

What sort of Personal Data we collect

We may collect a variety of Personal Data. These may include, the details of any person referring you to us, details of any contract or other arrangement which you may have with us, your name, photograph and/or other images, sound recordings, age, identity card, passport or other identification document numbers and details, address, gender, race and/or ethnic origin, date of birth, details of your spouse and/or your marital or other relationship, children or other family members or persons with whom you may be in a relationship, occupation, financial information

(including, financing arrangements), assets, qualifications, work experience, employment information, health or medical information, employer, telephone, electronic mail and other means of communication. We may collect other Personal Data too.

Jenis-Jenis Data Peribadi Yang Dikumpul

Jenis-jenis Data Peribadi yang mungkin dikumpul oleh kami termasuklah maklumat pihak yang merujuk anda kepada kami, maklumat tentang mana-mana kontrak yang telah dimeterai di antara pihak anda dan kami, nama, gambar dan/atau imej lain, bunyi rakaman, umur, kad pengenalan, pasport atau dokumen pengenalan yang lain, alamat, jantina, bangsa dan/atau etnik, tarikh lahir anda serta maklumat tentang suami/isteri anda dan/atau maklumat tentang perkahwinan atau hubungan anda yang lain, anak-anak atau ahli keluarga atau pihak yang mempunyai hubungan dengan anda, pekerjaan, maklumat kewangan (termasuklah apa-apa pengaturtuan tentang kewangan anda), aset, kelayakan, pengalaman bekerja, maklumat pekerjaan, maklumat kesihatan, majikan, telefon, mel elektronik dan medium komunikasi yang lain yang berkaitan dengan diri anda. Kami juga mungkin akan mengumpul Data Peribadi selain yang disebutkan di sini.

What we do with the Personal Data we collect

We collect, use and process Personal Data in a variety of circumstances for the following purposes:

- To send you newsletters or other materials to inform you of our promotion, activities, events or developments or the new products of our Group or other matters which we think may interest you (including, social events)
- To correspond with you in relation to your membership or our business arrangement with you
- To use your name, photographs, videos or other records made or taken at or in relation to our activities or events (including, those which involve us) to which you may be invited or permitted to attend by us in our annual report or other promotional materials
- To carry out statistical or other analysis in relation to customers' buying behaviours or pertaining to our operations and its needs
- To transfer or share of Personal Data between our Group
- To carry out our administration and daily operation
- To conduct credit checks
- To arrange for transportation of goods to the places in accordance with our business arrangement with you
- To prepare agreements or contacts with you as our business associate
- To effect the collection of outstanding payment or debt or to make payment
- To effect procedures or practices to prevent or mitigate crime or to maintain the security, integrity or good governance of our operations
- To maintain our books and records (these may be kept in any media, and include, paper and electronic) for the purpose of reviewed or audited by independent professionals for compliance, security, integrity and/or good governance purposes (including, auditors (accounting firms) and independent anti-money laundering procedure auditors)
- To disclose any deals or transactions (and you have consented to this) which involve you
- To provide information when we are involved in any litigation or other proceeding

- To transfer your Personal Data (these may be in electronic, paper or other media) to our third party service or storage providers or contractors or sub-contractors (these may be in any jurisdiction) for purposes of data storage, back up or processing
- To meet any requirements of laws or regulations or court order or direction, guideline, practice note, circular, code or other requirement of any governmental, public or regulatory authority or stock exchange (these include, any imposed on us by or from any jurisdiction outside Malaysia)

Our collection, use and processing of Personal Data (including, any disclosure) may, anyhow, apart from Malaysia, be to, in or from any jurisdiction outside Malaysia. We may continue to collect, use and process Personal Data even after you are no longer our current customer or member or business associates

Perkara-perkara Berkenaan Data Peribadi Yang Telah Dikumpul

Data Peribadi yang telah dikumpul akan digunakan dalam beberapa situasi seperti berikut:

- *Untuk menghantar notifikasi atau bahan lain untuk memaklumkan anda tentang aktiviti promosi atau perkembangan produk baru kumpulan kami atau perkara lain yang mungkin menarik minat anda (ini termasuklah acara sosial).*
- *Untuk berkomunikasi antara kami dengan anda berhubung dengan keahlian anda atau perhubungan perniagaan dengan kami.*
- *Untuk menggunakan nama, foto, komen, video atau rekod lain diambil ketika majlis kami yang mana anda telah dijemput sebagai salah seorang tetamu kami atau anda dibenarkan untuk menghadirinya dalam laporan tahunan kami atau bahan-bahan promosi lain untuk Kumpulan kami*
- *Untuk menjalankan analisis statistik atau analisis yang lain berhubung dengan tingkah laku pembelian pelanggan dan sepertimana yang diperlukan oleh operasi kami*
- *Untuk pemindahan atau perkongsian Data Peribadi di antara syarikat-syarikat dan pejabat-pejabat dalam Kumpulan kami*
- *Untuk menjalankan pentadbiran dan operasi harian.*
- *Untuk menjalankan pemeriksaan kredit.*
- *Untuk menguruskan pengangkutan dan penghantaran barangan ke destinasi-destinasi yang mengikut urusan perniagaan kami dengan anda.*
- *Untuk menyediakan perjanjian atau hubungan dengan anda sebagai rakan perniagaan kami.*
- *Untuk melaksanakan kutipan bayaran yang tertunggak atau membuat bayaran.*
- *Untuk melaksanakan prosedur atau amalan untuk menghalang atau tadbir urus yang baik dalam operasi kami.*
- *Untuk urusan rekod-rekod kami (yang mungkin disimpan dalam apa-apa bentuk media sama ada bertulis atau elektronik) dan diaudit oleh ahli profesional bebas bagi tujuan pematuhan, keselamatan, integriti dan / atau untuk tujuan pengurusan yang baik [termasuklah juruaudit (firma perakaunan) dan juruaudit bebas bagi prosedur anti perubahan wang haram].*
- *Untuk mendedahkan penyertaan anda dalam apa-apa acara-acara kami.*
- *Untuk memberikan maklumat apabila kami terlibat dalam apa-apa tindakan undang-undang atau prosiding lain*

- Untuk memindahkan Data Peribadi anda (ini mungkin dalam elektronik, kertas atau media lain) kepada pembekal penyimpanan atau perkhidmatan pihak ketiga atau kontraktor atau sub-kontraktor (ini mungkin dalam mana-mana bidang kuasa) untuk tujuan penyimpanan data, sandaran atau pemprosesan.
- Untuk memenuhi apa-apa kehendak undang-undang atau peraturan-peraturan atau perintah mahkamah atau arahan, garis panduan, nota amalan, pekeliling, kod atau keperluan lain mana-mana pihak berkuasa kerajaan, orang ramai atau peraturan atau bursa saham (termasuk, apa-apa yang dikenakan ke atas kami oleh atau mana-mana bidang kuasa di luar Malaysia).

Walaupun bagaimanapun, pengumpulan, penggunaan dan pemprosesan Data Peribadi oleh kami (termasuklah apa-apa pendedahan) mungkin melibatkan bidang kuasa yang terletak di luar Malaysia. Selain itu, kami juga akan meneruskan pengumpulan, penggunaan dan pemprosesan Data Peribadi anda walau pun anda bukan lagi pelanggan atau ahli atau rakan perniagaan.

What happens if you do not give us Personal Data or we cannot collect, use or process it

If any of these things happen:

- We may not be able to accept or retain you as a customer or a member or business associates as it could adversely affect our operations and/or obligations
- We will not be able to send you newsletters or other materials to inform you of our activities or developments in the poultry industry or new products of our Group or other matters which we think may interest you unless you have already consented to this
- We will not be able to use your Personal Data for marketing or publicity purposes, unless you have already consented to this

Kesan-Kesan Jika Anda Tidak Memberikan Persetujuan Untuk Kami Mengumpul, Menggunakan Atau Memproses Data Peribadi Anda Atau Jika Kami Gagal Berbuat Sedemikian

Kesan-kesan daripada hal yang disebutkan di atas adalah:

- Kami mungkin tidak dapat menawarkan perkhidmatan kami kepada anda sebagai pelanggan atau ahli atau rakan perniagaan kami memandangkan operasi kami dan kewajipan kami mungkin terjejas
- Kami mungkin tidak boleh menghantar notifikasi atau bahan lain untuk memaklumkan anda tentang aktiviti, promosi atau perkembangan atau produk baru Kumpulan kami atau perkara lain yang mungkin menarik minat anda melainkan kami telah mendapatkan persetujuan anda terlebih dahulu
- Kami tidak boleh mengguna pakai Data Peribadi anda untuk tujuan pemasaran atau publisiti melainkan kami telah mendapatkan persetujuan anda terlebih dahulu

Who we disclose to

We generally keep Personal Data confidential. However, we may disclose them in certain circumstances. These include the circumstances in **What we do with the Personal Data we collect**, above. We may also, give or disclose your Personal Data, anyhow to:



- Any of the persons whom or in circumstances which we refer to in **What we do with the Personal Data we collect**, above
- Any governmental, public or regulatory authority or stock exchange in any jurisdiction when required by such authority or under the law or regulation of any jurisdiction which applies to us
- Any persons you consent to under our business agreement with you
- Our auditors, independent anti-money laundering auditors, lawyers and other financial or professional advisers
- Our third party service, product or storage providers, contractors or sub-contractors

We may give or disclose to any of them even if they are outside Malaysia and even if you are no longer our current member, business associate or customer.

Pihak Yang Akan Diberikan Akses Kepada Data Peribadi Anda

*Pada kebiasaannya, kami akan menyimpan dan mengekalkan Data Peribadi anda sebagai maklumat sulit. Walaubagaimanapun, kami mungkin perlu mendedahkannya di bawah keadaan tertentu. Ini termasuklah situasi-situasi yang dinyatakan di dalam perenggan **Perkara-perkara Berkenaan Data Peribadi Yang Telah Dikumpul**. Kami juga mungkin akan mendedahkan Data Peribadi anda kepada:*

- *Mana-mana pihak yang dinyatakan di dalam perenggan **Perkara-perkara Berkenaan Data Peribadi Yang Telah Dikumpul**.*
- *Mana-mana badan kerajaan atau mana-mana bidang kuasa apabila diperlukan olehnya atau mana-mana undang-undang dari mana-mana bidang kuasa yang berkaitan dengan kami*
- *Mana-mana pihak yang dipersetujui oleh anda di bawah perjanjian perniagaan dengan anda.*
- *Juruaudit kami, juruaudit bebas kami bagi prosedur anti pengubahan wang haram, Peguambela dan Peguamcara yang lain dan penasihat kewangan atau ahli profesional kewangan*
- *Pembekal perkhidmatan dan produk pihak ketiga kami, kontraktor atau sub-kontraktor*

Kami mungkin akan mendedahkan Data Peribadi anda kepada pihak-pihak yang telah dinyatakan walaupun mereka berada di luar Malaysia dan walaupun anda bukan lagi ahli, rakan perniagaan atau pelanggan kami.

Security

We are required by PDPA, when processing Personal Data, to take certain practical steps to protect Personal Data from any loss, misuse, modification, unauthorised or accidental access or disclosure, alteration or destruction.

Keselamatan

Di bawah APDP, adalah menjadi kewajipan kami untuk mengambil beberapa langkah praktikal untuk melindungi Data Peribadi anda daripada kehilangan, penyalahgunaan, pengubahsuaian, akses atau pendedahan yang tidak dibenarkan atau tidak sengaja, pengubahan atau pemusnahan, ketika memproses Data Peribadi anda oleh kami.

You have certain rights to access and correct your Personal Data



You have certain rights in relation to Personal Data held by us. You may:

- Ask us to tell you whether we hold or use Personal Data and ask to access it
- Ask us to correct any Personal Data which is not accurate, complete or up-to-date
- Ask us to retain Personal Data for only as long as is necessary to fulfil the purpose for which we collected it
- Ask that we specify or explain our policies and procedures in relation to Personal Data and the types of Personal Data we handle
- Object to the use of Personal Data for newsletters or other materials to inform you of our activities or developments or new products of our Group or other matters which we think may interest you or for marketing or publicity purposes
- Withdraw, wholly or partly any consent you provided previously subject to a reasonable time period.

Your rights above in **You have certain rights to access and correct your Personal Data** may be restricted. You may have entered into contractual arrangements which limit your rights or your rights may be limited by law or regulation or the particular circumstances.

You may contact us as below if you wish to exercise any of your rights here and reasonable administration fee may be imposed:

Personal Data Protection Affairs Department
Pasaraya Jaya Gading Sdn Bhd
A257, 1st Floor,
Jalan Air Putih,
25300 Kuantan,
Pahang Darul Makmur.

T: +609-5602711, 5602712

F: +609-5602710

E: customerservice@cab.com.my

Anda Mempunyai Hak Untuk Mengakses Dan Membetulkan Data Peribadi

Antara hak-hak anda berhubung dengan Data Peribadi anda yang disimpan oleh kami adalah seperti berikut:

- *Anda boleh membuat pertanyaan sama ada kami hanya menyimpan atau menggunakan Data Peribadi anda dan anda juga dibenarkan untuk mengaksesnya*
- *Anda boleh memohon untuk kami membetulkan Data Peribadi anda yang tidak tepat, lengkap atau mengemaskini*
- *Anda boleh membuat permintaan untuk kami menyimpan Data Peribadi anda selama mana yang diperlukan untuk tujuan penggunaan Data Peribadi tersebut*
- *Anda boleh memohon penjelasan daripada pihak kami tentang polisi dan prosedur kami berhubung Data Peribadi anda dan jenis-jenis Data Peribadi yang disimpan oleh kami*
- *Anda boleh membantah penggunaan Data Peribadi anda untuk notifikasi atau bahan lain yang bertujuan untuk memaklumkan anda tentang aktiviti kami atau perkembangan*

dalam bidang penternakan atau produk baru atau perkara lain yang mungkin menarik minat anda atau untuk tujuan pemasaran.

- *Anda juga boleh menarik kembali persetujuan anda yang telah diberikan dengan syarat hal ini dilakukan di dalam jangka masa yang bersesuaian.*

*Sila ambil perhatian bahawa hak-hak anda yang telah dinyatakan di dalam perenggan **Hak Anda Untuk Mengakses Dan Membetulkan Data Peribadi Anda** juga mungkin boleh dihadkan. Hal ini adalah sedemikian jika anda telah memeterai perjanjian kontrak yang menghadkan hak-hak anda atau hak-hak anda telah dihadkan oleh undang-undang atau situasi-situasi yang tertentu.*

Anda bolehlah menghubungi kami jika anda berminat untuk membuat permohonan bagi kami untuk memenuhi mana-mana hak anda:

*Urusan Perlindungan Data Peribadi
Pasaraya Jaya Gading Sdn Bhd
A257, 1st Floor,
Jalan Air Putih,
25300 Kuantan,
Pahang Darul Makmur.*

T: +609-5602711, 5602712

F: +609-5602710

E: customerservice@cab.com.my

Consent

If you give or continue to give Personal Data to us, you will be deemed to consent to your Personal Data being collected, held or processed in the way specified in this Notice and in any other notice issued under Section 7 of PDPA by us.

You may, however, opt to give your consent expressly in the form below. You should, then, complete and return to us the consent below as soon as possible. The consent may be e-mailed, faxed, hand delivered or posted to us at the contact for our Personal Data Protection Affairs Department set out above. We ask that you return any expressed consent to us within 30 days of the date of this Notice to assist us in the administration of these matters.

You may, also, be regarded, as giving your consent by your particular act or conduct in certain circumstances.

You should know that if you do not give your consent (whether by giving Personal Data, by expressed consent or in any other way), we may still be authorised or required by applicable laws or regulations or by certain circumstances to disclose or give Personal Data. Your consent will remain in effect regardless of any change in your relationship with us, for example, if you are a current member, business associate or customer that you cease to be one.

Kebenaran

Jika anda telah memberikan dan masih lagi memberikan Data Peribadi anda kepada kami, anda akan dianggap sebagai telah memberikan persetujuan anda bagi pengumpulan, penyimpanan dan

pemrosesan Data Peribadi anda oleh kami seperti yang telah dijelaskan di dalam Notis ini dan di dalam mana-mana notis yang disampaikan di bawah Seksyen 7 APDP oleh kami.

Walaupun bagaimanapun, anda juga boleh membuat pilihan untuk memberikan persetujuan anda secara bertulis di dalam borang yang disertakan di bawah. Sila isikan borang tersebut dengan lengkap dan hantarkan ia kepada kami secepat yang mungkin. Borang persetujuan di bawah ini boleh di e-melkan, difakskan, dihantar dengan tangan atau diposkan kepada kami di alamat kami seperti yang telah dinyatakan. Sila pulangkan borang persetujuan anda kepada kami dalam jangka masa 30 hari dari tarikh Notis ini untuk memudahkan urusan kami.

Sila ambil perhatian juga yang anda boleh dianggap sebagai memberikan persetujuan anda melalui tindakan yang diambil di bawah keadaan tertentu.

Untuk makluman anda, walaupun anda tidak memberikan persetujuan anda (sama ada dengan memberikan Data Peribadi, melalui persetujuan bertulis atau apa-apa cara yang lain), kami tetap dibenarkan untuk mendedahkan atau memberikan Data Peribadi anda jika ianya merupakan keperluan di bawah mana-mana undang-undang atau peraturan. Persetujuan anda tetap akan berkuatkuasa walaupun terdapat perubahan dalam hubungan kami dengan anda, contohnya jika anda bukan lagi pelanggan, rakan perniagaan atau ahli kami.

Expressed Form of Consent

I/ We have fully read and understood this Notice and consent to the use of Personal Data in the way specified by this Notice.

Name (as per IC / passport)	
NRIC No. / Passport No.	
Signature	
Date	

Borang Persetujuan

Saya/Kami telah pun membaca dan memahami Notis ini dan dengan ini memberikan persetujuan saya/kami kepada penggunaan Data Peribadi saya/kami dalam cara yang telah dinyatakan di dalam Notis ini.

Nama (seperti KP / Paspot)	
No. KP / No. Paspot	
Tandatangan	
Tarikh	